

33

SOALAN NO: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
(TELOK KEMANG)
TARIKH : 27 MAC 2018
SOALAN : 58**

YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS (TELOK KEMANG)

minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- a) Setakat mana usaha Kementerian dalam memperkukuhkan Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM) di bawah Pelan Tindakan Kementerian Kesihatan 2016-2020 yang menyasarkan tahap capaian 50% menjelang tahun 2018 bagi kawasan luar bandar ; dan
- b) Jumlah penerima manfaat daripada program ini di kawasan luar bandar daripada aspek kesihatan berbanding sasaran.

Tuan Yang di-Pertua,

Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM) adalah di bawah Pelan Tindakan Kementerian Kesihatan Malaysia 2016 – 2020. Bagi memperkukuhkan program ini, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan pelbagai usaha dengan menggalakkan penglibatan secara aktif dari agensi dan kementerian lain seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; dan Majlis Agama Negeri dalam Program ini. Tindakan bersama ini adalah diperlukan kerana penyebab kekurangan zat makanan adalah terbit dari pelbagai faktor termasuk kemiskinan, tahap pendidikan penjaga, persekitaran dan amalan penjagaan. Faktor ini turut mempengaruhi proses pemulihan kanak-kanak terbabit.

Untuk makluman YB Telok Kemang, merujuk kepada data yang dikumpulkan oleh pihak Kementerian Kesihatan pada tahun 2017, seramai 9,868 kanak-kanak yang berumur 6 bulan sehingga 6 tahun telah mendapat manfaat daripada program ini. Sebanyak 55% daripada jumlah kanak-kanak tersebut telah menunjukkan peningkatan berat badan berbanding sasaran peningkatan yang telah ditetapkan untuk tahun 2017 iaitu sebanyak 47.5%. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,780 (65%) kanak-kanak adalah daripada kawasan luar bandar di mana 1,687 orang telah pulih pada tahun 2017.